

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PEKA

Pada 14 November 2008 bertempat di Mini Auditorium SPPS, Majlis Penyampaian Sijil PEKA telah berlangsung dengan meriah dan dihadiri kira-kira 100 orang yang terdiri daripada AJK penganjur, ibu bapa dan murid PEKA. Acara yang bermula sekitar jam 2 petang telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah, Timbalan Dekan Akademik dan HEP, SPPS. Penyampaian sijil dibahagikan kepada dua kategori iaitu Sijil Tamat bagi murid yang telah menamatkan pengajian di peringkat prasekolah manakala, Sijil Kehadiran diberikan kepada murid berumur empat tahun. Selain penyampaian sijil, hadirin turut dihiburkan dengan persembahan hafazan, laungan azan, nyanyian dan gerakan oleh murid PEKA. Majlis diserikan lagi dengan demonstrasi Jolly Phonic yang disampaikan oleh puan Allison Carena Wong. Seramai sembilan orang pelajar telah menerima Sijil Kehadiran dan 14 orang pelajar menerima Sijil Tamat. Majlis tersebut juga turut menyampaikan tujuh Anugerah Cemerlang kepada pelajar yang terpilih. Acara pada petang itu diakhiri dengan sesi bergambar dan bertukar tukar hadiah. "Melentur buluh biarlah dari rebungnya" peribahasa ini sangat relevan dengan konsep pendidikan awal kanak-kanak yang bermula dari peringkat prasekolah lagi.

